

0RANG ISLAM YANG TERKEMUKA

Abū Ḥāmid al-Ghazālī

(450-505 H. 1058 - 1111 M.)

Sejarahnya

Al-Ghazālī, ialah seorang ulama ilmu *al-Kalām* yang terbesar dalam mazhab Syafie pada zamannya, dilahirkan di Thaus, sebuah bandar di Khorasan, dalam tahun 450 H. (1058 M.).

Setelah mempelajari beberapa ilmu di negeri tersebut, berangkatlah al-Ghazālī ke negeri Nishapur. Di sanalah mulai kelihatan tanda-tanda ketajaman otaknya yang luar biasa. Berhubung dengan kemahirannya dalam falsafah dan Ilmu *al-Kalām*, ia telah dilantik menjadi guru di Universiti Niżamiyyah di Baghdad.

Dalam umur 33 tahun al-Ghazālī telah masyhur dalam kalangannya pada masa itu. Dalam tahun 484 H ia pergi ke Mekah menyempurnakan rukun Islamnya. Setelah selesai mengerjakan haji, ia terus ke Damsyik, Baitul Maqdis, dan Iskandariah, memberi pelajaran di universiti-universiti yang ada di bandar-bandar tersebut. Kemudian kembali ke bandar Thaus dan mulai dari waktu inilah al-Ghazālī menghabiskan umurnya dengan berfikir dan menulis berjenis-jenis kitab menerangkan bagaimana perbezaan dan kelebihan agama Islam dari agama-agama yang lain dan dari falsafah yang mana sahaja. Oleh kerana itulah, ia digelarkan dengan gelaran “*Hujjat al-Islām*” dan “*Zayn al-Dīn*” (hiasan agama).

Pusaka

Siapakah dalam golongan agama di negeri kita ini yang terkenal dengan kitab “*Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*” yang empat jilid besar itu dengan “*Maw’izat al-Mu’mīnīn*” dan lain-lainnya buah tangan al-Ghazālī?

Kitab “*Iḥyā’*” ialah sebuah buku *standard*, terutama tentang akhlak yang mendapat perhatian besar sekali di Eropah, dan telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa yang moden. Dalam hal ini adalah Imam al-Ghazālī dalam kalangan umat Islam sebagaimana “*Thomas à Kempis*” (1471-1379) dalam kalangan kaum Kristian yang masyhur berhubung dengan karangannya “*De Imitatione Christi*” yang sifatnya mendekati “*Iḥyā’*”, tetapi dipandang dari pendidikan Kristian.

Dua kitabnya yang kurang dikenal di negeri kita ini, akan tetapi sangat terkenal di dunia Barat, malah menyebabkan perang pena antara ahli-ahli falsafah, ialah kitab “*Maqāṣid al-Falāsifah*” (Maksud-maksud Ahli Falsafah) dan “*Tahāfut al-Falāsifah*” (Kesesatan Ahli Falsafah).

Kitab yang pertama berisi ringkasan dari berjenis ilmu falsafah, mantik, metafizik dan fizik. Kitab ini diterjemahkan oleh Dominic Gundisalvus ke Bahasa Latin pada akhir kurun masihi yang kedua belas.

Kitab yang kedua memberi kritik yang tajam atas sistem falsafah yang telah diterangkannya satu persatu dalam *Maqāṣid al-Falāṣifah*.” Malah kelihatan, al-Ghazālī sendiri menerangkan dalam kitabnya yang kedua itu, bahawa maksudnya menulis kitab “*Maqāṣid*”, ialah kerana kumpulnya lebih dahulu bahan-bahan untuk orang yang membaca, nantinya akan dikritiknya satu persatu dalam kitab “*Tahāfut*”.

Sesudah itu “Ibn Rushd” membantah akan pendirian al-Ghazālī dalam hal falsafah dengan menulis sebuah kitab yang akan dinamakan “*Tahāfut Tahāfut al-Falāṣifah*”.

Al-Ghazālī dan David Heum

Sebagai filsuf, al-Ghazālī mengikuti aliran falsafah yang dinamakan “mazhab *Hasbiyah*”, yang kira-kira sama ertiannya dengan “mazhab perasaan”. Sebagaimana filsuf, Inggeris “David Heum” (1776-1711), yang mengemukakan bahawa “perasaan” adalah sebagai alat yang penting dalam falsafah, pada waktu dia menentang aliran nasionalism, iaitu satu aliran falsafah yang timbul dalam kurun yang kedelapan belas, yang semata-mata berdasar kepada pemeriksaan pancaindera dan akal manusia, demikian pula Imam Ghazālī membangkitkan reaksi atas aliran falsafah yang sampai ke zamannya.

David Heum mengemukakan bahawa: Kesudahannya semua keyakinan kita kembali kepada “perasaan”. Akal semata-mata tidak memberi keyakinan yang sebenarnya walaupun di mana-mana.

Demikian pulalah yang telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazālī 700 tahun terlebih dahulu. Al-Ghazālī mengakui, bahawa “perasaan” (*hisbiyah*) itu boleh keliru juga akan tetapi “akal” manusia juga tidak terpelihara dari kesesatan dan tidak akan dapat mencapai kebenaran sempurna-sempurnanya dengan sendirinya sahaja, dan tidak mungkin dapat dibiarkan bergerak dengan semahu-mahunya.

maka akhirnya Imam al-Ghazālī kembali kepada apa yang beliau namakan “*darūriyyāt*” sebagai hakim dari akal dan perasaan dan kepada “hidayah” yang datang dari Allah *Subḥānahu wa Ta ‘ālā*.

Kalau Imam Ghazālī oleh kerana tidak dinamakan seorang “filsuf akli” maka itu tidak bererti bahawa akalnya kurang dipakainya daripada filsuf-filsuf yang lain.

Tidak kurang al-Ghazālī mengupas falsafah Socrates, Aristotles dan memperbincangkan pelbagai masalah yang sulit dengan cara yang halus dan tajam sekali dalam kitabnya yang tersebut di atas. Tidak kurang ia membentangkan ilmu mantik dan tidak kurang pula menyusun *ilmu al-kalām* yang tahan uji dibandingkan dengan karangan-karangan filsuf yang lain. Semua ini menunjukkan ketajaman akalnya dan memakai akal sebagai salah satu nikmat yang dikurniakan Allah kepada manusia. Tetapi dalam pada itu, ia tidak hendak lupa, bahawa akal ini pun dapat bekerja hanya sampai kepada suatu batas yang tak dapat dilampaui. Apabila filsuf yang lain masih terus juga menurutkan akal itu ke mana-mana, dibawa oleh akal itu sendiri, walaupun sudah tidak medan pekerjaannya lagi, - serta menjadikan “akal” sebagai hakim yang penghabisan dalam semua hal - , pada saat yang demikian itu Imam Ghazālī tidak enggan berkata dengan khusuk: *Wallaḥu ’A ‘lam!* (Allah yang lebih mengetahui!), dan kembali kepada “Kitab (*al-Qur’ān*), yang tidak syak lagi menjadi pertunjuk bagi mereka yang takwa.”

Perhubungan “sebab” dan “musabab”. Kaedah ini menjawab pertanyaan: Apabila timbul dua hal, apakah syaratnya maka boleh kita mantapkan bahawa yang satu menjadi sebab bagi yang lain?

Maka umum ahli fikir Barat berpendapat bahawa “David Hume lah” yang mula-mula sekali mengupas masalah ini. David Hume memulai dengan menolak bahawa kalau

ada dua hal, “A” dan “B” maka tidak boleh dikatakan begitu sahaja bahawa “A” menjadi sebab dari “B”. Ada tiga syarat yang dia kemukakan, iaitu:

- 1) “A” dan “B” mesti ada perhubungan antara satu dengan lain.
- 2) “A” dan “B” harus ber-dahulu ber-kemudian.
- 3) Perhubungan dan kejadian yang semacam itu mesti berulang-ulang beberapa kali.

Bukan sekali-kali maksud kita hendak mengurangi jasa David Hume itu, tetapi perlu, jangan dilupakan, bahawa 700 tahun sebelumnya David Hume, telah pernah seorang filsuf Muslim di daerah Timur mengupas masalah ini dalam kitabnya “*Tahāfut al-Falāsifah*”. Sekurang-kurangnya hendaklah diakui, bahawa sesungguhnya sudah dilangkahkan langkah yang pertama kejurusan ini, Marilah kita dengarkan sedikit kesimpulan perkataan al-Imām Ḥujjat al-Islām al-Ghazālī ini tentang itu, sebagai contoh:

“Bahawasanya apabila berkumpul dua perkara (hal) bersama-sama, maka belum ada dalam keadaan itu dalil yang tepat, yang pertama menjadi sebab dari dari yang kedua...”

“Adapun yang dinamakan oleh ahli falsafah dengan *Qānun Tabi‘at* atau kaedah ‘illah’ ialah suatu perkara yang terikat kepada *irādat* Allah, dan yang kita terima sebagai urusan yang benar kejadian; kerana Allah dalam ilmunya mendahului segala perkara, mengetahui kejadian perkara-perkara, kemudian ia jarkan kepada kita. Maka harus diinsafi tidak ada tabiat yang mengikat *irādat* Tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Tinggi itu.” Demikian kata al-Ghazālī.

Aneh! Hal ini rupanya tidak hendak diingat orang.

Dan kalau kita ketahui bahawa seorang filsuf

Barat seperti Immanuel Kant mengakui, bahawa David Heumlah yang membukakan matanya, dapatlah kita mengira-ngirakan betapa besar kadarnya kekuatan rohani dari al-Ghazālī dibandingkan dengan filsuf-filsuf yang masyhur di Barat itu.

Taṣawuf dan Fikah

Dalam zaman al-Ghazālī masih berkubur penentangan antara ahli taṣawuf dan ahli fikah. Maka salah satu dari usaha Imam Ghazālī ialah merapatkan kedua belah pihak yang bertentangan itu. Al-Ghazālī mendapat teman yang sefaham dan juga mendapat lawan yang menentang pendiriannya. Baik semasa hidup atau pun sesudah berpulang ke *rahmatullāh*. Antara lain dari orang-orang yang tidak sefaham dengan al-Ghazālī. Dalam beberapa hal ialah Ibn Rushd, Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyūm, dan lain-lain dari ahli fikah.

Di Eropah Barat, al-Ghazālī mendapat perhatian besar.

Ia mendapat penghargaan umpamanya dari filsuf Perancis, Reinan, pujangga-pujangga kasanova, Cardiff dan lain-lain.

Dr Zoe Myer, orientalis Inggeris yang kenamaan itu, pernah memasukkan Imam Ghazālī jadi satu dari empat orang pilihan pihak Islam mulai dari zaman Rasulullah (SAW) sampai kepada zaman kita sekarang ini, iaitu:

- 1) Nabi Muḥammad (SAW) sendiri,
- 2) Al-Bukhārī,
- 3) Al-Ash‘arī, dan
- 4) Al-Ghazālī

Dalam tahun 505 H (1111 M), Imam Ghazālī mendapat *husn al-khātimah*, meninggalkan pusaka yang tak dapat dilupakan oleh kaum Muslimin dan meninggalkan juga pangkal perpecahan faham antara mereka yang setuju dengan yang tidak setuju dengan buah fikirannya, ialah suatu hal yang *ghālib* diterima oleh tiap-tiap orang yang berjalan di hadapan merentas jalan baharu, yang mendengarkan suara keyakinan yang teguh yang berbisik di dalam hati, dan tidak turut-turut ke hulu ke hilir seperti pucuk ru dihembus angin.

[Demikianlah riwayatnya yang kami petik dari buah pena Tuan Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi- P. Q.